

WASATIYYAH DALAM KEWANGAN DAN ISU-ISU SEMASA KEWANGAN ISLAM¹

Muhd Ramadhan Fitri Ellias

MUKADDIMAH

Muamalat maaliyyah adalah salah satu juzuk yang terbesar dan rumit. Juzuk ini besar kerana ia meliputi pelbagai aktiviti manusia yang melibatkan aspek kewangan dan kehartaan. Juzuk ini juga rumit kerana perkembangan aktiviti kewangan begitu pantas dan manusia begitu kreatif dalam mencipta kekayaan.

Walaupun Syaria Islamiah memberikan pimpinan yang sempurna dalam memastikan transaksi kehartaan yang dilakukan bukan hanya memenuhi keperluan manusia seharian tetapi yang lebih penting memelihara dan melindungi manusia daripada kefasadan kerana wujudnya anasir-anasir yang memudaratkan manusia seperti riba, gharar, maysir (perjudian), ghisyy (penipuan), ihtikar (monopoli untuk manipulasi harga) dan lain-lain.

ASAS WASATIYYAH DALAM KEHARTAAN

Al Allamah Dr Yusuf al Qaradawi menyebut antara ciri asasi aliran wasatiyyah (al madrasah al wasatiyyah) adalah membezakan di antara ibadah dan muamalah dari sudut penelitian objektifnya.² Pemahaman ini dianggap antara kunci fiqh wasatiyy kerana wujud perbezaan yang ketara di antara ibadah dan Muamalah sebagaimana yang telah diturunkan oleh *al Musharri'*, Allah SWT. Kegagalan memahami tabiat dan ciri-ciri tersendiri ibadah dan Muamalah akan menyebabkan pandangan hukum yang dikeluarkan pincang; sama ada terlalu longgar (tafrit) ataupun melampau (ifrat) dan terkeluar daripada neraca maqasid Shariah yang dianggap sebagai orbit kepada hukum hakam amali yang bersifat *juz'iiyyat*.

Dalam konteks ibadah, manusia tidak memiliki sebarang hak untuk 'merekacipta' melainkan tunduk kepada segala perintahNya.

الأصل في العبادة التوقف

Ertinya : Hukum panduan (asal) bagi urusan ibadah adalah *tawaqquf* (berhenti dari mencipta, mesti datang dari dalil).³

Muamalah merangkumi daerah yang sangat luas. Muamalah bukan semata-mata berkisar tentang kewangan Islam bahkan ia merangkumi persoalan kekeluargaan, jenayah, kehakiman, mawarith, jihad dan pemerintahan. Sebab itulah para ilmunan Shariah menamakan kewangan Islam secara spesifik sebagai *muamalah maliyyah* dan muamalah

¹ Dibentang pada Seminar Fiqh Semasa peringkat Negeri Kedah pada 21 Jun 2014 di Jitra, Kedah

²Yusuf al Qaradawi, *Dirasah fi Fiqh Maqasid al Shariah*, hlm 199

³ Rujuk kaedah ini dalam, Ibn Hajar, *Fath Al-Bari*, 3/54 ; Ibn Mufleh, *Al-Adab Al-Syar'iyyah*, 2/265 ; Al Zarqani, *Syarah Al-Muwatta'*, 1/434 ; Al-Syawkani, *Naylul Awtar*, 2/20

umum dirujuk sebagai muamalah ‘ammah. Walaubagaimanapun, dalam artikel ini, muamalah merujuk kepada muamalah maliyyah.

Disebabkan *muamalat maliyyah* berada dalam kategori muamalah ammah, maka ciri-cirinya (al khasais)

الأصل في المعاملات والعادات الإلتفات إلى المعاني

Ertinya : *Hukum ghalib dan asal bagi hal ehwal mu’amalat dan adat adalah kembali kepada penelitian objektifnya.* ⁴

Al Imam al Izz Abdul Salam berkata:

“Dalam konteks muamalat, ia adalah berkaitan dengan maslahat manusia iaitu mengambil kebaikan/kemaslahatan dan menolak kemudaratan”. (Qawa’id al ahkam, 1/19).

Qawaid yang disebut di atas menerangkan kaedah penetapan hukum dalam *aspek muamalat maliyyah*. Berbeza dengan ibadah di mana secara ghalibnya manusia terikat secara rigid dengan nas-nas al Quran dan Sunnah, Islam menyediakan ruang yang sangat terbuka bagi para fuqaha mujtahidin untuk mengeluarkan ijtihad berkaitan isu-isu muamalat semasa selagi tiada nas secara jelas yang menyatakan pengharaman dalam isu-isu tersebut. Para *mujtahidin* akan mengambil kira nas-nas umum yang menggariskan prinsip-prinsip yang mesti diakuri dalam urusan muamalat seperti keadilan, transparency (ketelusan), taradhi (saling meredhai) dan lain-lain, selain memastikan pandangan hukum yang dikeluarkan adalah menepati masalah mu’tabarrah (masalah yang diperakui syara’) dan tidak pula membuka jalan ke arah kefasadan.

Keputusan ijtihad-ijtihad ini pula bukanlah bersifat mutlak dan abadi sebaliknya keperluan untuk me’review’ hukum hakam muamalat semasa adalah dituntut apabila wujudnya perubahan dalam masalah ummah selari dengan perubahan masa dan lokaliti. Ciri-ciri ini sangat signifikan khususnya dalam aspek kewangan dan perbankan kerana perubahan dan inovasi yang berlaku dalam sektor ini sangat pantas dan dalam banyak hal menjadi ‘complicated’ kerana kreativiti manusia dalam transaksi kewangan yang motivasi terbesarnya adalah keuntungan dan kekayaan.

Tuntasnya, antara perbezaan pokok antara Ibadah dan Muamalah adalah seperti berikut:

Ibadah	Ibadah
Asal adalah ta’abud	Asal adalah harus sehingga terdapat dalil yang menegah dan mengharam
Nas-nas bersifat spesifik dan detail	Ghalibnya dipandu oleh nas-nas umum sebagai dasar ataupun prinsip umum

⁴ Al Shatibi, *Al-Muwafaqat*, 2/256

Terikat dengan nas	Terikat dengan illah, hukum berubah sekiranya wujud atau hilangnya illah
Hukum bersifat kekal dan mutlak	Hukum antara thabat (kekal) dan murunah (fleksibel). Fleksibiliti dalam bab muamalah kerana majoriti hukum muamalah adalah berkaitan dengan masalah dan apabila berlaku perubahan dalam masalah manusia, maka hukum juga akan berubah . ⁵

Berdasarkan kaedah pengeluaran hukum dan ciri-ciri muamalah yang telah diterangkan di atas, minda dan kefahaman Ummah perlu dididik dan dijernihkan daripada terjebak dalam salah satu daripada dua kecenderungan yang kedua-duanya banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Kecenderungan pertama yang dimaksudkan adalah kecenderungan untuk mengharamkan pelbagai inisiatif ekonomi, kewangan dan perbankan Islam.

Menurut kumpulan ini, segala inisiatif dan produk tersebut adalah haram kerana pelbagai alasan termasuklah ia tidak pernah dilakukan pada zaman Rasulullah dan generasi salafussoleh. Mereka juga memberikan alasan bahawa Islam menyeru kepada budaya zuhud dan wara' di mana aktiviti dan produk Islam dalam sektor ekonomi dan kewangan pada hari ini penuh dengan syubhat dan tidak original nilai kelslamannya.

Kecenderungan kedua pula adalah mereka yang mengatakan dalam muamalah semuanya harus secara mutlak dan begitu mudah menjustifikasikan keharusan itu dengan masalah yang sebahagiannya tidak genuine. Kecenderungan ini membuka pintu kerosakan yang boleh merobohkan sendi-sendi muamalah Islam yang diseru oleh al Quran dan al Sunnah.

Dalam kertas yang ringkas ini, saya akan menyentuh isu-isu ringkas seperti yang berikut:

1. Hukum bermuamalat dengan orang bukan Islam;
2. Hukum pelaburan emas;
3. Hukum berkaitan perbankan Islam.

Isu 1: Bermuamalat Dengan Orang Bukan Muslim

Kita hidup dalam semua masyarakat yang majmuk; pelbagai bangsa, agama dan adat resam. Justeru, kita tidak dapat mengelak daripada bertransaksi dengan golongan bukan Islam. Antara persoalan yang kerap kali dibangkitkan adalah sejauh mana kita boleh bermuamalah dengan golongan bukan Islam yang diketahui melaksanakan aktiviti ekonomi yang tidak mematuhi Syara'? Apakah pandangan hukum berkaitan dengan transaksi tersebut?

Secara umumnya Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda melakukan pelbagai transaksi dengan non Muslim terutamanya Yahudi dan Kristian. Pelbagai riwayat yang jelas

⁵ Uthman Shubayr, *Al Muamalat al Maliyyah al Mu'asirah*, hlm 24

menunjukkan Baginda SAW dan para sahabat bertransaksi dengan golongan bukan Islam, antaranya:

- a) Nabi Muhammad SAW pernah berurusan dengan orang bukan Islam semasa hayatnya. Contohnya, nabi SAW bermuamalah dengan seorang Yahudi di mana Rasulullah SAW menjalankan urusan jual beli yang dibayar secara tangguh dan menjadikan perisai baginda sebagai sekuriti bagi urus niaga tersebut. Perkara ini dinyatakan dalam riwayat berikut: sebagaimana yang diriwayatkan dalam sebuah hadis;

عن عائشة رضي الله عنها توفي رسول الله صلى الله عليه وسلم ودرعه مرهونة عند يهودي ، بثلاثين صاعا من شعير

“Daripada Aisyah bahawa (ketika) Rasulullah SAW wafat, perisai baginda Rasulullah SAW masih menjadi gadaian pada seorang Yahudi kerana (hutang Rasulullah SAW sebanyak) 30 so` (sejenis timbangan) gandum daripadanya”.⁶

Daripada hadith ini, dapat dilihat bahawa Rasulullah SAW bermuamalat jual beli dengan orang yahudi yang mana terkenal dengan amalan ribanya pada zaman tersebut. Ini menunjukkan bahawa keharusan bermuamalat dengan orang bukan Islam walaupun diketahui ia berasal dari sumber yang tidak patuh Syariah.

- b) Hadith Rasulullah berjual-beli dengan orang Musyrikin.

حدثنا أبو النعمان حدثنا معتمر بن سليمان عن أبيه عن أبي عثمان عن عبد الرحمن بن أبي بكر رضي الله عنهما قال كنا مع النبي صلى الله عليه وسلم ثم جاء رجل مشرك مشعان طويل بغنم يسوقها فقال النبي صلى الله عليه وسلم يبيعا أم عطية أو قال أم هبة قال لا بل بيع فاشترى منه شاة

Dari Abdurrahman bin Abi Bakr (RA), beliau berkata, “Ketika kami tengah bersama dengan Nabi SAW, kemudian telah datang seorang laki-laki musyrik yang rambutnya panjang dan tidak rapi sambil membawa seekor kambing. Nabi SAW bertanya kepadanya, ‘Apakah ini untuk dijual atau hadiah?’ Dia menjawab, ‘Tidak, ini hanya untuk dijual.’ Lalu Nabi SAW membeli kambing itu darinya.”.⁷

Ibn Hajar al-Asqalani meriwayatkan bahawa Ibnu Batthal rahimahullah berkata, “Bermuamalah dengan orang kafir dibolehkan, selain menjual sesuatu yang dapat membantu orang-orang kafir/musuh untuk memudaratkan kaum muslimin.”⁸

- c) Hadis riwayat Ibn Umar menyatakan tentang pengharusan pemberian tanah kepada Yahudi Khaibar bagi tujuan pertanian secara muzara’ah.

⁶ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Dar Ibn Kathir, 1987, j.3, hlm 1068, hadis no.2756.

⁷ Riwayat Sahih Bukhari, no.2103

⁸ Ibn Hajar Al-Asqalani, *Fath al Bari*, j.5, hlm 693.

حدثنا موسى بن إسماعيل: حدثنا جويرية بن أسماء، عن نافع، عن عبد الله رضي الله عنه قال: أعطى رسول الله صلى الله عليه وسلم خيبر اليهود أن يعملوها ويزرعوها ولهم شطر ما يخرج منها

Abdullah bin Umar r.a., meriwayatkan: “Rasulullah SAW membenarkan orang-orang yahudi menetap di tanah Khaibar dengan syarat mereka akan mengusahakan tanah tersebut dan mengambil upah separuh daripada hasil tanaman yang dikerjakan.”⁹

Namun, terdapat beberapa ulama` seperti al-Thauri, al-Laith, Ahmad dan Ishak tidak membenarkan perkongsian dengan orang bukan Islam. Manakala, Imam Malik berpendapat bahawa musyarakah dengan dzimmi dan musyrikin adalah dibenarkan sekiranya urusan tersebut dikendalikan oleh orang Islam. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya percampuran harta orang Islam dengan sumber yang haram seperti riba, nilai arak dan khinzir.

Justeru, jumhur ulama’ berhujah dengan peristiwa di mana Nabi bermuamalat dengan Yahudi Khaibar. Maka sekiranya dibenarkan bermuamalat dengan yahudi khaibar dalam kontrak muzara`ah, maka ia juga dibenarkan dalam aktiviti-aktiviti muamalat yang lain. Ia juga boleh dilihat dalam pensyariatan mengambil jizyah dari harta orang bukan Islam, sedangkan pada harta mereka semestinya terdapat unsur-unsur haram.¹⁰

- d) Terdapat juga athar Tabi’in tentang keharusan mengambil harta mudarabah daripada orang bukan muslim dan larangan menyumbang harta mudarabah kepada orang bukan Muslim.

حدثنا هشيم عن سليمان أبي محمد الناحي عن ابن سيرين قال ((لا تعط الذمي مالا مضاربة، وخذ منه مالا مضاربة.....)).

Diriwayatkan oleh Hashim ibn Sulaiaman Abi Muhammad Al-Nahi daripada Ibn Sirin dengan berkata : ((Janganlah bagi kepada kafir zimmi harta mudarabah tetapi sebaliknya ambillah dari mereka (zimmi) harta mudarabah...))¹¹

- e) حدثنا عبد الله بن أدريس عن هشام عن الحسن: أنه لم يكن يرى بأسا بشركة اليهودى والنصراني، إن إذا كان المسلم هو الذي يلي الشراء والبيع.

Abdullah ibn Idris daripada Hisham daripada al-Hasan: Beliau berkata: Rasulullah SAW telah melarang (umat Islam) berkongsi perniagaan dengan orang Yahudi dan

⁹ Riwayat Sahih Bukhari, no.2499

¹⁰ Keterangan Hadith dalam Kitab Fathul Bari: Fath al-Bari, Kitab al-Shirkah, no.48, j.5, hlm 160

¹¹ Musannaf Ibn Abi Syaibah: 20232, j.10, hlm 144

*Nasrani melainkan sekiranya urusan jual beli tersebut berada di bawah kawal selia orang Islam.*¹²

Pemerhatian dalil-dalil di atas

Berdasarkan dalil yang disediakan di atas adalah dapat disimpulkan bahawa adalah diharuskan untuk orang Muslim bermuamalat sama ada berjual beli, musharakah, rahn dengan orang bukan Muslim. Namun, hadith di atas tidak menjelaskan sama ada adakah sumber harta mereka jelas datang dari amalan yang haram seperti riba, judi atau termasuk dalam golongan harta yang bercampur antara halal dan haram. Kertas ini akan membincangkan dengan lebih lanjut beberapa pandangan fuqaha tentang hukum bermuamalah dengan sumber harta yang jelas haram dan sumber harta yang bercampur antara halal dan haram.

Hukum Bermuamalat Dengan Sumber Jelas Haram

Para ulama berbeza pendapat dalam isu bermuamalat dengan sumber tidak patuh syariah;

Pendapat pertama: pandangan tidak membenarkan muamalat dengan harta yang terhasil daripada sumber yang haram; Ini adalah pandangan majoriti para fuqaha'. Antaranya termasuklah Ibn Nujaim, Abu Zaid Al-Qairawani, Al Syirazi dan Al-Mardawi .

Pendapat kedua: pandangan yang membenarkan muamalat dengan harta daripada sumber haram. Pandangan ini selari dengan salah satu riwayat daripada Ibn Sirin,¹³ satu pandangan daripada Ibn Taymiyyah¹⁴.

Antara dalil-dalil yang dipegang oleh golongan yang tidak membenarkan penerimaan harta atau bertransaksi dengan harta yang haram adalah seperti berikut:

Dalil Pihak yang tidak membenarkan

Antara dalil yang menjadi hujah bagi pengharaman Muamalah berkenaan adalah seperti berikut;

1) Firman Allah yang mengharamkan segala bentuk pertolongan dalam urusan dosa dan persengketaan:

وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

*Maksudnya: Janganlah kamu bertolongan dalam urusan dosa dan persengketaan.*¹⁵

Berdasarkan ayat di atas, sebarang jenis muamalat dengan harta haram adalah diharamkan kerana ia adalah termasuk dalam larangan bertolong-tolongan dalam dosa dan

¹² Musannaf Ibn Abi Syaibah: 20231, j.10, hlm 144

¹³ Ibn Rajab Al-Hanbali, *Jami' al 'ulum wa al hikam*, hlm 201

¹⁴ Ibn Taymiyyah, *Tafsir Ayat Ushkilat*, hlm 596

¹⁵ Surah Al-Maidah: Ayat 2

persengketaan. Sekiranya dilihat dalam konteks perbankan Islam, sekiranya penerimaan harta haram secara deposit dibenarkan ianya seolah-olah membantu perkembangan harta haram dari segi merencanakan perniagaan mereka.

2) Hadith

a) Hadith yang menunjukkan perbuatan Saidina Abu Bakar memuntahkan semula makanan pemberian orang gajinya hasil dari upah sebagai tukang ramal menunjukkan pengharaman bermuamalat dengan harta yang berasal daripada sumber yang haram.

وعن عائشة رضي الله عنها قالت: كان أبي بكر الصديق رضي الله عنه غلام يخرج له الخراج وكان أبو بكر يأكل من خراجها، فجاء يوماً بشيء فأكل منه أبو بكر فقال له الغلام: تدري ما هذا؟ فقال أبو بكر وما هو؟ قال: كنت تكهنت لإنسان في الجاهلية وما أحسن الكهانة إلا أني خدعته فلقيني فأعطاني بذلك هذا الذي أكلت منه فأدخل أبو بكر يده فقاء كل شيء في بطنه

*Maksudnya: "Adakah engkau mengetahui dari mana makanan ini? Abu Bakar bertanya: Dari mana? ; Aku dahulu meramal nasib ketika zaman Jahiliyyah, aku tidak mahir sebenarnya namun aku menipu pelangganmu dan dia memberiku makanan ini. Abu Bakar lantas memasukkan tangannya kedalam mulut dan memuntahkan segala yang memasuki perutnya."*¹⁶

b) Hadith daripada Abu Abdullah al-Nu'man bin Basyir r.a. bahawasanya beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: (إن الحلال بين وإن الحرام بين وبينهما أمور مشبهات لا يعلمهن كثير من الناس فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه ألا وإن لكل ملك حمى ألا وإن حمى الله محارمه ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب)

"Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara samar (syubhat) yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhah (kesamaran), maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya. Dan sesiapa yang terjatuh di dalam (melakukan) perkara syubhah, sama seperti ia terjatuh di dalam (melakukan) perkara yang haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan

¹⁶ Hadith Riwayat Bukhari, no. 3842

sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”¹⁷

c) Hadith yang menyatakan bahawa Allah tidak akan menerima sedeqah yang diberikan dari hasil harta rampasan.

عن ابن عمر رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : " لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوٍ وَلَا صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ

Maksudnya: Daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah bersabda : Tidak diterima solat tanpa Toharah (menyucikan diri) dan tidak diterima sedekah dari harta Ghulul.¹⁸

Para ulama’ mendefinisikan Ghulul sebagai Harta rampasan perang yang diambil sebelum pembahagian dibuat tanpa izin daripada Khalifah. Maka hadis ini menunjukkan tegahan ke atas ta’amul dengan harta daripada sumber yang haram.

d) Hadith Abi Mas’ud Al-Ansari yang menunjukkan Rasulullah SAW melarang daripada upah yang terhasil dari aktiviti tidak patuh Syariah.

حدثنا يحيى بن يحيى قال قرأت على مالك عن ابن شهاب عن أبي بكر بن عبد الرحمن عن أبي مسعود الأنصاري أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن ثمن الكلب ومهر البغي وحلوان الكاهن

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abi Mas’ud Al-Ansari bahawa Rasulullah SAW melarang daripada sebarang pengambilan hasil daripada harga jualan anjing, upah pelacuran dan upah tilik nasib.¹⁹

e) Hadith

أخبرنا عاصم بن كليب عن أبيه عن رجل من الأنصار قال خرجنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم في جنازة فرأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو على القبر يوصي الحافر أوسع من قبل رجله أوسع من قبل رأسه فلما رجع استقبله داعي امرأة فجاء وجيء بالطعام فوضع يده ثم وضع القوم فأكلوا فنظر

¹⁷ Riwayat Bukhari 52 dan 2051 ; riwayat Muslim 1599

¹⁸ Hadith Riwayat Muslim, no. 224

¹⁹ Riwayat Shahih Muslim Hadith, no. 1567

آبَاؤُنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَلُوكُ لُقْمَةً فِي فَمِهِ ثُمَّ قَالَ أَجِدَ لَحْمَ شَاةٍ أَخَذْتُ بِغَيْرِ إِذْنِ أَهْلِهَا فَأَرْسَلْتُ الْمَرْأَةَ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَرْسَلْتُ إِلَى الْبَقِيعِ يَشْتَرِي لِي شَاةً فَلَمْ أَجِدْ فَأَرْسَلْتُ إِلَى جَارٍ لِي قَدْ اشْتَرَى شَاةً أَنْ أَرْسَلَ إِلَيَّ بِهَا بِثَمْنِهَا فَلَمْ يَوْجَدْ فَأَرْسَلْتُ إِلَى امْرَأَتِهِ فَأَرْسَلْتُ إِلَيَّ بِهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَطْعِمِيهِ الْأَسَارَى

Maksudnya: Kami keluar bersama Rasulullah SAW dalam satu majlis pengebumian mayat. Dan saya telah melihat bahawa Rasulullah menyuruh kepada penggali kubur meluaskan bahagian kaki dan kepala mayat. Kemudian baginda beredar dan telah datang seorang perempuan membawa makanan dan setelah baginda menyentuh makanan semua orang pun mula menjamu selera. Ketika itu bapa-bapa kami melihat mulut Rasulullah berhenti mengunyah dan berkata “Aku dapati daging kambing ini diambil tanpa izin tuannya”. Wanita itu dipanggil dan berkata: “Aku dihantar ke Baqie’ untuk mengambil seekor kambing yang dibeli untukku. Aku tidak mendapatinya maka aku pergi menjumpai jiranku yang telah memiliki seekor kambing supaya aku membelinya namun beliau tiada. Maka isterinya menjual kambing itu dengan harganya (tanpa izin suaminya). Kemudian Rasulullah memerintahkan “ Berilah makan kepada para tawanan”.²⁰

Dalil Pihak yang Membenarkan

Antara dalil yang menjadi hujah bagi pengharusan bermuamalah dengan sumber haram;

1) Ayat Quran

﴿وَلَا تَزِرْ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾

*Maksudnya: seseorang tidak akan menanggung dosa orang yang lain.*²¹

Berdasarkan dalil di atas, seseorang tidak akan menanggung dosa seseorang yang lain. Dalam konteks bermuamalat dengan harta haram, dosa si pelaku perbuatan haram adalah ditanggung olehnya sahaja dan tidak ditanggung oleh pihak lain yang bermuamalat dengannya.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكِ بَأْنَهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan:

²⁰ Riwayat Sunan Abu Dawud Hadith, no. 3332

²¹ Surah Al-Zumar: ayat 7

“Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”²²

2) Hadith

حدثنا موسى بن إسماعيل: حدثنا جويرية بن أسماء، عن نافع، عن عبد الله رضي الله عنه قال: أعطى رسول الله صلى الله عليه وسلم خيبر اليهود أن يعملوها ويزرعوها ولهم شطر ما يخرج منها

Abdullah bin Umar r.a., meriwayatkan: “Rasulullah SAW membenarkan orang-orang yahudi menetap di tanah Khaibar dengan syarat mereka akan mengusahakan tanah tersebut dan mengambil upah separuh daripada hasil tanaman yang dikerjakan.”²³

Keterangan hadith dalam Kitab Fathul Bari mengenai hadis riwayat Ibn Umar, yang menyatakan tentang pengharusan pemberian tanah kepada Yahudi Khaibar bagi tujuan pertanian secara muzara`ah. Namun, terdapat beberapa ulama` seperti al-Thauri, al-Laith, Ahmad dan Ishak tidak membenarkan perkongsian dengan orang bukan Islam. Manakala, Imam Malik berpendapat bahawa musyarakah dengan dzimmi dan musyrikin adalah dibenarkan sekiranya urusan tersebut dikendalikan oleh orang Islam. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya percampuran harta orang Islam dengan sumber yang haram seperti riba, nilai arak dan khinzir. Justeru, jumhur ulama` berhujah dengan peristiwa di mana Nabi bermuamalat dengan Yahudi Khaibar. Maka sekiranya dibenarkan bermuamalat dengan yahudi khaibar dalam kontrak muzara`ah, maka ia juga dibenarkan dalam aktiviti-aktiviti muamalat yang lain. Ia juga boleh dilihat dalam pensyariatan mengambil jizyah dari harta orang bukan Islam, sedangkan pada harta mereka semestinya terdapat unsur-unsur haram.²⁴

3) Athar

عن سويد بن غفلة ، قال : بلغ عمر بن الخطاب أن عماله يأخذون الجزية من الخمر ، فناشدتهم ثلاثا ،
فقال : إنهم ليفعلون ذلك ، قال : فلا تفعلوا ، ولوهم يبيعها

Maksudnya: Daripada Suwaid Ibn Ghafilah bahawa telah sampai khabar kepada Umar Ibn Khatab bahawa pekerjaanya mengutip jizyah dari arak, lantas menyeru mereka sebanyak tiga kali “Sesungguhnya mereka melakukannya?” Umar berkata “Jangan lakukan begitu tetapi mintalah mereka (ahli zimmah) menjualnya (arak).”²⁵

²² Surah Al-Baqarah: ayat 275-278

²³ Riwayat Sahih Bukhari, no.2499

²⁴ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari*, Kitab al-Shirkah no.48, j.5, hlm 160

²⁵ Musannaf Abd Razzaq : 14853 , j.8, hlm 195

Berhubungan athar di atas, Ibn Taimiyah telah mengulas dengan mengatakan: "Saidina Umar memerintahkan agar mengambil dirham dari hasil jualan arak oleh ahli zimmah kerana mereka meyakini bahawa harta tersebut (arak) adalah halal menurut agama mereka".

b) Beberapa peristiwa mengenai sahabat-sahabat Rasulullah SAW apabila diajukan soalan berkenaan dengan hukum bermuamalat dengan harta haram.

Ini dapat difahami dari fatwa Ibn Mas'ud dan Salman al-Farisi ketika ditanya tentang hukum menerima jemputan dan hadiah dari jiran yang merupakan pengamal riba', mereka membenarkan untuk menerima jemputan tersebut dengan alasan dosa akan ditanggung oleh pelaku riba.

i- Fatwa Ibn Mas'ud ketika ditanya;

وجاء رجل إلى ابن مسعود فقال: "إن لي جاراً يأكل الربا وإنه لا يزال يدعوني"، فقال: "مهنته لك وإثمه عليه."

Maksudnya: Telah datang seorang lelaki kepada Ibn Mas'ud dan bertanya kepadanya: ((Sesungguhnya aku berjiran dengan seorang pengamal riba dan dia asyik menjemputku menjamu hidangannya)). Lalu Ibn Mas'ud menjawab: ((Hidangan itu harus untuk kamu, dan dosanya ditanggung oleh dia (jiran tersebut)).²⁶

ii- Salman al-Farisi juga berpendapat bahawa kita boleh memenuhi jemputan dari pemilik harta haram dan dosanya ditanggung oleh pemilik tersebut.

وقال سلمان الفارسي رضي الله عنه: "إذا كان لك صديق عامل، أو جار عامل، أو ذو قرابة عامل، فأهدى لك هدية أو دعاك إلى طعام، فاقبله، فإن مهنته لك وإثمه عليه" ²⁷

c) Terdapat juga athar Tabi'in tentang keharusan mengambil harta mudarabah daripada orang bukan muslim dan larangan menyumbang harta mudarabah kepada orang bukan Muslim.

حدثنا هشيم عن سليمان أبي محمد الناحي عن ابن سيرين قال ((لا تعظ الذمي مالا مضاربة، وخذ منه مالا مضاربة، فإذا مررت بأصحاب صدقة فأعلمهم أنه مال ذمي))

Diriwayatkan oleh Hashim ibn Sulaiaman Abi Muhammad Al-Nahi daripada Ibn Sirin dengan berkata : ((Janganlah bagi kepada kafir zimmi harta mudarabah tetapi sebaliknya ambillah dari mereka (zimmi) harta mudarabah.....)).²⁸

²⁶ Musannaf Abd Razzaq: 14675, j.8, hlm 150

²⁷ Musannaf Abd Razzaq: 14677, j.8, hlm 150

²⁸ Musannaf Ibn Abi Syaibah: 20232, j.10, hlm 144

- d) حدثنا عبد الله بن أدریس عن هشام عن الحسن : أنه لم يكن يرى بأسا بشركة اليهودى والنصرانى، إن إذا كان المسلم هو الذي يلي الشراء والبيع

Abdullah ibn Idris daripada Hisham daripada al-Hasan: Beliau berkata: Rasulullah SAW telah melarang (umat Islam) berkongsi perniagaan dengan orang Yahudi dan Nasrani melainkan sekiranya urusan jual beli tersebut berada di bawah kawal selia orang Islam.²⁹

4) Kaedah Fiqhiyyah:

تبدل سبب الملك قائم مقام تبدل الذات

“Perpindahan disebabkan oleh pemilikan, memestikan perubahan pada ain”.³⁰

Kaedah asal; perpindahan yang berlaku disebabkan oleh perubahan pemilikan, telah bertukar hak milik sekalipun ainnya tidak berubah. Contohnya dalam kes jamuan Barirah bekas hamba ‘Aisyah yang menghidangkan daging kepada Rasulullah. Apabila daging itu dihidangkan kepada Nabi s.a.w, lalu baginda diberitahu bahawa daging tersebut adalah sedekah kepada Barirah. Baginda menjawab: “Untuk dia sedekah, untuk kita hadiah” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Maksudnya, daging itu disedekah kepada Barirah, kemudian Barirah menghadiahkan kepada Nabi s.a.w. Jika ia disedekah kepada Nabi s.a.w, baginda tidak boleh makan. Walaupun asalnya sedekah, tetapi baginda menerima dari Barirah atas asas hadiah, maka halal untuk baginda.

Dalam hal ini, kaedah diatas membawa maksud bahawa, sekalipun ain (wang) ialah yang sama, tetapi ia tetap berubah menjadi halal disebabkan pertukaran tangan. Maka diujahkan bahawa walaupun wang diperolehi secara haram oleh seorang pekerja (muktasib), tetapi wang tersebut menjadi halal sekiranya diserahkan kepada seseorang yang lain melalui transaksi atau akad samada tabarru’at atau mu’awadhat dan sebagainya.

Apabila meneliti kesemua dalil yang telah dibentangkan di atas, hujah yang dipegang oleh golongan yang membenarkan penerimaan dana daripada sumber yang haram daripada seorang non Muslim lebih khusus berbanding dalil yang dipegang oleh golongan yang menegah. Kaedah ada menyebut:

الخاص إذا عارض العام يخصصه.

Terjemahan:

Dalil khas apabila bertembung dengan dalil am, maka ia akan mengkhususkannya. Dalam kaedah usul, sesuatu yang umum apabila dikhususkan dengan dalil, maka ia tidak boleh diumumkan semula dengan dalil khusus tersebut.

Selanjutnya dalam membincangkan dalil-dalil tersebut, perlu difahami dengan jelas kategori harta-harta haram supaya kita dapat meletakkan dalil-dalil tersebut dalam perspektif yang

²⁹ Musannaf Ibn Abi Syaibah: 20231, j.10, hlm 144

³⁰ Durar Al-Hukkam Sharh Majallah Al-Ahkam, j.1, hlm 98

sebenar. Dalam membincangkan harta yang haram, para Ulama' membahagikan harta yang haram kepada dua kategori:

- i. Haram kerana ayn harta tersebut adalah haram (lizatihi/aynihi). Contohnya mayat, najis, darah, daging babi dan sebagainya;
- ii. Haram kerana sumber harta tersebut adalah haram (lighairihi). Contohnya harta daripada sumber transaksi riba, perniagaan arak atau judi. Begitu juga harta curi atau rampasan.

Harta dalam kategori (i) terkeluar daripada perbincangan dan harta kategori (ii) dibahagikan dengan lebih lanjut kepada dua kategori:

- i. *Ightisab* (rampasan/pencerobohan);
 - perpindahan pemilikan harta daripada pemilik asal dengan cara rampasan atau kekerasan yang tidak diredhai oleh pemilik harta
 - contohnya; melalui kegiatan rompakan, mencuri, khianat dan lain-lain lagi.
 - Ia juga termasuk dalam konteks hak manusia sesama manusia (haq al makhluq)
- ii. *Iktisab* (pekerjaan/perusahaan);
 - perpindahan pemilikan harta daripada pemilik asal dengan cara yang diredhai oleh pemilik harta berkenaan.
 - Contoh: upah daripada aktiviti haram seperti pelacuran, penjualan dadah dan rasuah atau terhasil dari aqad yang dilarang seperti riba, gharar dan maisir.
 - Kebanyakannya termasuk dalam hak Allah terhadap hambanya (Haqqullah)

Merujuk kepada perolehan harta haram secara *ightisab* yang dilakukan sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam, para ulama' bersepakat (ijma') mengenai pengharaman bagi menerima harta melalui ightisab dan wajib dipulangkan semula harta yang diperolehinya kepada pemilik asal.³¹ Ini adalah kerana perampas atau pencuri tidak mempunyai milkiyyah (pemilikan) terhadap harta tersebut dan tidak mempunyai hak untuk bertasarruf dengan harta tersebut. Justeru itulah Rasulullah SAW tidak membenarkan menerima sadaqah daripada harta ghulul yang merupakan harta daripada kategori ightisab. Begitu juga kisah Mughirah Ibn Syu'bah di mana Rasulullah memerintahkannya mengembalikan harta yang diambil secara paksaan sebelum keislamannya.

Dalam konteks wang daripada iktisab haram, golongan yang membenarkan penerimaan dana daripada sumber tersebut termasuk Ibn Taymiyyah berhujah bahawa harta tersebut dimiliki oleh golongan non Muslim tersebut kerana harta ataupun yang mereka perolehi daripada jalan yang mereka anggap sebagai baik walaupun haram daripada kacamata Islam.

Shaykhul Islam Ibn Taymiyyah dalam menghuraikan ayat 276 Surah al Baqarah menyebutkan:

Orang kafir yang masuk Islam dan bertaubat boleh memiliki harta yang haram. Oleh itu, orang Islam lebih utama untuk memilikinya (harta haram). Al-Quran memberikan petunjuk ke arah ini dengan firmanNya: "Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya". Ayat ini umum

³¹ Ibn Rushd, *Bidayatul al-Mujtahid*, j.2, hlm 317 ; Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, j.5, hlm 139

merangkumi semua manusia yang telah mendapat peringatan daripada Tuhannya dan Allah memberikan hak pemilikan kepadanya apa yang (diperoleh olehnya) pada masa lalu. Di antara dalil yang menunjukkan bahawa (maksud ayat ini) juga (sabit dan) merangkumi orang Islam (dan bukan sahaja orang bukan Islam) ialah ayat selepas itu (yang berbunyi): “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu”. (Dalam ayat ini) Allah memerintahkan supaya tidak menuntut saki baki riba (yang ada di tangan penghutang) dan ayat ini tidak memerintahkan supaya memulangkan apa yang telah diperoleh. Dalil yang menunjukkan bahawa perolehan lepas adalah miliknya ialah firman Allah SWT: “Maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya”. Jika ada yang berkata bahawa: ayat ini khusus kepada golongan kafir yang masuk Islam, maka (kenyataan ini dijawab): tidak ada ayat yang menunjukkan (pengkhususannya kepada kafir yang masuk Islam). Bahkan Allah berfirman: “Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya”. Ayat ini lebih utama untuk merangkumi orang yang Islam.

Di samping itu, para ulama juga berhujah bahawa dosa pelaku pekerjaan yang haram tidak akan berpindah kepada menerima harta tersebut sekiranya pemberian itu melalui jalan yang diakui syara'. Pendapat ini jelas difahami dari pandangan Ibn Mas'ud ketika ditanya tentang hukum memenuhi jemputan dari jiran yang merupakan pengamal riba, beliau berkata:

مَهْنُوهٌ لَّكَ، وَإِثْمُهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: Hidangan itu harus untuk kamu, dan dosanya ditanggung oleh dia (jiran tersebut).

Pendapat ini juga selaras dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Zumar ayat 7 :

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Maksudnya: seseorang tidak akan menanggung dosa orang yang lain.

Pandangan ini juga turut dipersetujui oleh Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang dihadiri oleh para pakar dan ilmuan Syariah dan kewangan Islam dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei yang bersidang pada 28-29 Mei 2014 baru-baru ini di Johor Bahru.

Isu 2: Pelaburan Emas

Salah satu amalan pelaburan yang semakin popular dalam masyarakat pada hari ini adalah pelaburan emas. Ini disebabkan nilai emas yang stabil berbanding komoditi dan instrument pelaburan yang lain. Untuk memahami hukum hakam berkaitan pelaburan emas, kita perlu memahami hadith yang mendetailkan tentang barang-barang ribawi (ribawiyat) dan keadah untuk melakukan transaksi yang melibatkan barangan tersebut:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا مِثْلًا سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ
يَدًا يَدًا فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيُعَوَّضُ كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا يَدًا

“Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, sya’ir (gandum yang lebih rendah kualitasnya) dengan sya’ir, kurma dengan kurma, garam dengan garam, pertukarannya harus semisal dan semisal, sama dan sama, tangan dan tangan. Maka jika terjadi perbedaan pada barang-barang ini lakukanlah jual beli semau kalian selama dilakukan antara tangan dan tangan.” (HR. Al-Bukhari dan Muslim)

Daripada hadits tersebut, para ulama membahagikan 6 komoditi tersebut kepada 2 kategori. Adapun ‘illah pada emas dan perak adalah: *Tsamaniyah* (barang berharga yang digunakan untuk tukar menukar ribawiyyat). Manakala gandum, sya’ir, kurma dan garam ‘illahnya adalah: *Makanan yang disukat dan ditimbang*, maka semua makanan yang dapat disukat dan ditimbang termasuk dalam kategori barang ribawi, seperti beras, jagung, dan lain-lain.³²

Bagi ribawiyyat dalam kategori alat perantaraan, apa sahaja matawang yang digunapakai pada hari ini tetap dianggap sebagai barang ribawi walaupun bukan emas dan perak atau disandarkan nilainya kepada emas dan perak. Imam Malik bin Anas pernah berkata:-

لو أن الناس أجازوا بينهم الجلود حتى تكون سكة وعين لكرهتها أن تباع بالذهب والورق نظرة

Ertinya : "Sekiranya orang ramai membenarkan sesama mereka untuk menjadikan kulit sebagai dibentuk menjadi wang, nescaya akan aku larang ianya dijual dengan emas dan perak secara tangguh"³³

Sementara itu, al-Majma’ al-Fiqh al-Islami yang berada di bawah naungan Rabitah al-Alam al-Islami yang berpusat di Mekah, bertarikh 8 hingga 16 Rabi’ul Akhir pada tahun 1402H telah mengeluarkan fatwanya, yang antara lain mengandungi perkara berikut:³⁴

- Matawang pada asalnya ialah emas dan perak.
- ‘Illah bagi riba pada jual beli emas dan perak ialah sifatnya sebagai harga (مطلق الثمنية) dan ‘illah ini tidak terbatas pada emas dan perak sahaja.
- Oleh sebab matawang kertas telah menjadi harga bagi barangan pada hari ini, dan ia telah menggantikan emas dan perak bagi muamalat hari ini, dan dengannya diberi nilai barang-barang, dan emas dan perak tidak lagi digunakan, orang ramai juga telah menganggapnya sebagai harta dan dijadikan simpanan mereka, walaupun nilai tidak terletak pada zatnya, tetapi pada keyakinan orang ramai yang menganggapnya sebagai medium bagi pertukaran, dan inilah yang menjadikannya bersifat thamaniyyah.
- Maka diputuskan bahawa wang kertas adalah matawang yang tersendiri, dan baginya hukum wang emas dan wang perak, wajib ditunaikan zakatnya, kedua-dua jenis riba alfadhl dan al-nasa’ boleh berlaku padanya, sama seperti wang emas dan perak.

³² Al-`Imrani Al-Shafi`ie, *Al-Bayan fi Mazhab Al-Imam Al-Shafi`ie*, j.5, hlm 163-164 ; Al-Mardawi, *Al-Insaf*, j.1, hlm 805.

³³ Imam Malik, *Al-Mudawwanah al-Kubra*, j.8, hlm 396.

³⁴ Qararat al-Majma’ al-Fiqh al-Islami, Persidangan kelima, Matawang Kertas, Resolusi ke-6, hlm 101-103

- e. Diputuskan juga bahawa wang kertas setiap negara adalah sejenis matawang tersendiri.
- f. Jadi langsung tidak boleh menjual beli wang kertas sebuah negara dengan wang kertas negara lain secara bertanggung penyerahannya.
- g. Tidak juga boleh menjual beli wang-wang kertas dari sebuah negara secara melebihi satu pihak (al-fadhl) ataupun secara bertanggung.
- h. Wajib zakatnya, jika nilai jumlahnya mencapai nisab terendah antara emas dan perak.

Pada tahun 1986, Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dauli yang bernaung di bawah OIC juga telah membuat keputusan yang hampir sama dengan fatwa di atas. Melalui persidangan dan mesyuarat Majlis Fiqh Antarabangsa, para ulama dengan bantuan pakar ekonomi dan kewangan kontemporari berijtihad secara jama'i dalam menentukan kedudukan wang kertas fiat ini. Setelah diskusi panjang lagi teliti dan terperinci pada tahun 1986, lalu petikan keputusan mereka adalah [nombor 31 (3/9)] :-

بخصوص أحكام العملات الورقية : أنها نقود اعتبارية فيها صفة الثمنية كاملة ولها الأحكام الشرعية المقررة للذهب والفضة من حيث أحكام الربا والزكاة والسلام وسائر أحكامها

Ertinya : Berkenaan hukum wang kertas fiat : Ia adalah matawang pada hukumnya disebabkan padanya terdapat sifat nilai harga yang lengkap, dan oleh itu semua hukum hakam yang ada pada emas dan perak adalah jatuh kepada wang kertas fiat seperti hukum berkaitan riba, kewajipan zakat, jual beli secara salam, dan seluruh hukum emas dan perak.

35

Justeru dalam amalan pada hari ini di mana pembelian emas dibuat dengan menggunakan wang maka setiap syarat dalam pertukaran ribawiyat daripada kategori yang sama wajib dipatuhi. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Parameter Pelaburan Emas. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:³⁶

“10. Oleh kerana emas dan wang adalah dua item *ribawi* yang mempunyai illah yang sama, maka syarat tambahan bagi transaksi pembelian atau penjualan emas mestilah memenuhi syarat berikut:

- i. Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam transaksi sebelum kedua-dua pihak bertransaksi berpisah daripada majlis akad.
- ii. Jual beli emas hendaklah dijalankan secara lani, dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.

³⁵ Qararat wa Tawsiat, Majma Al-Fiqh Al-Islami, hlm 40

³⁶ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/parameter-pelaburan-emas>

Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item *ribawi*, seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada *illah ribawi*.

Perincian *taqabudh* dan urusan niaga ini adalah seperti berikut:

Syarat Pertama: Taqabudh

11. *Taqabudh* (penyerahan) hendaklah berlaku terhadap kedua-dua item jual beli iaitu harga dan juga barang belian (emas), dan ia hendaklah terlaksana sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad.

12. Penyerahan harga boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:

- a. Pembayaran secara tunai
- b. Pembayaran secara cek yang diperakui (seperti banker's cheque)
- c. Pembayaran secara cek peribadi
- d. Pembayaran secara kad debit
- e. Pembayaran secara kad kredit
- f. Pemindahan wang daripada akaun simpanan atau semasa.

Secara *urufnya*, kesemua bentuk bayaran di atas kecuali (c) adalah dianggap sebagai pembayaran tunai oleh penjual. Pembayaran melalui kad kredit masih lagi dianggap tunai kerana pihak penjual akan mendapatkan harga jualan secara penuh dari pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Hutang yang berlaku, jika ada, adalah di antara pemegang kad dengan pengeluar kad dan bukannya dengan penjual barangan.

Status tunai ini masih lagi diterima secara *urufnya* oleh penjual walaupun pada hakikatnya pihak penjual akan menerima secara fizikal atau dimasukkan ke dalam akaunnya beberapa hari selepas transaksi berlaku.

13. Penyerahan barang belian (emas) hendaklah berlaku secara penyerahan hakiki ataupun kaedah muktabar yang boleh menggantikan penyerahan hakiki. Penyerahan barang belian yang muktabar akan membawa kesan sama seperti penyerahan hakiki, iaitu:

- a. Berpindah *dhaman* (tanggungjawab jaminan) daripada penjual kepada pembeli.
- b. Kemampuan pembeli untuk mendapatkan barang beliannya pada bila-bila masa tanpa ada halangan.

14. Majlis akad di dalam transaksi jual beli boleh berlaku dengan pertemuan secara fizikal, ataupun secara maknawi. Contoh majlis akad secara maknawi ialah ijab dan qabul melalui telefon, sistem pesanan ringkas (sms), emel, faksimili dan lain-lain. Tetapi disyaratkan dalam semua bentuk majlis akad tersebut, hendaklah berlaku *taqabudh* ketika majlis akad, contohnya melalui penyerahan secara *wakalah*.

Perlu diberi perhatian bahawa majlis akad secara bertulis akan hanya bermula apabila ianya diterima oleh pihak yang berkontrak. Contohnya, pembeli menandatangani akad jual beli dan kemudian menghantarnya melalui pos kepada

penjual. Selepas tiga hari, akad tersebut sampai ke tangan penjual. Maka majlis akad bermula pada waktu tersebut, jika pihak penjual bersetuju, maka akad tersebut perlu disempurnakan oleh penjual dengan menandatangani, dan barang belian hendaklah diserahkan kepada pembeli secara hakiki atau *hukmi*.

Syarat Kedua: Secara *Lani*

15. Transaksi jual beli emas hendaklah berlaku secara *lani* dan tidak boleh dimasuki sebarang unsur penangguhan, samada dalam penyerahan harga atau dalam penyerahan emas.

16. Penangguhan penyerahan harga yang tidak dibenarkan adalah meliputi pembelian secara hutang secara keseluruhannya atau pembelian secara bayaran ansuran.

17. Kelewatan penyerahan emas yang melebihi tempoh tiga hari selepas akad jual beli dimeterai adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Manakala bagi kelewatan penyerahan emas dalam tempoh kurang daripada tiga hari, Muzakarah mengambil maklum bahawa terdapat perbezaan pandangan ulama di dalam hal ini. Namun Muzakarah lebih cenderung untuk mengambil pakai pendapat yang tidak membenarkan berlakunya kelewatan walaupun tempohnya kurang daripada tiga hari. Dengan kata lain, penyerahan emas mestilah di lakukan di dalam majlis akad tanpa ada penangguhan. Ini adalah kerana di dalam urusan emas, kelewatan tiga hari bukanlah suatu uruf, berbeza dengan isu tukaran matawang asing.

Di dalam pertukaran mata wang asing, tempoh T+2 diperlukan kerana ianya melalui proses tertentu yang melibatkan tempoh masa bekerja yang berbeza antara negara, perpindahan wang elektronik, *clearing housed* dan lain-lain lagi. Proses-proses yang disebutkan ini tidak terdapat di dalam perniagaan jual beli emas fizikal. Maka adalah tidak tepat untuk membuat *qiyas* ke atas proses pertukaran matawang asing.

Namun secara praktikal, pihak penjual akan menyerahkan emas selepas amaun bayaran yang dibuat melalui cek dan sebagainya dikreditkan ke dalam akaunnya. Proses ini biasanya akan mengambil masa tiga hari bekerja. Di dalam menangani tempoh antara penyerahan cek dan penerimaan emas, maka pihak penjual dan pembeli bolehlah mengambil pakai aturan berikut:

Pihak pembeli akan hanya membuat pesanan (order) kepada penjual dengan dinyatakan jenis dan berat emas yang ingin dibelinya. Pesanan ini akan disertai dengan pengiriman wang ke akaun penjual. Pada tahap ini, perkara berikut perlu diberi perhatian:

i. Pada peringkat ini, akad jual beli emas masih belum berlaku.

ii. Wang yang berada di dalam akaun penjual masih lagi bukan milik penjual tersebut.

lanya masih milik pembeli dan disimpan sebagai amanah oleh penjual. Di dalam hal ini, adalah lebih baik jika satu akaun khas yang bersifat amanah (*trust account*) dibuka oleh penjual.

iii. Emas masih lagi kekal menjadi milik penjual dan ia bertanggungjawab penuh ke atas emas milikannya itu.

iv. Di dalam peringkat ini, pembeli masih boleh membatalkan pesanan yang dibuat dan penjual hendaklah memulangkan wang kepada pembeli. Namun, jika berlaku kerugian sebenar disebabkan pembatalan tersebut, bolehlah dibuat syarat bahawa ia perlu ditanggung oleh pembeli. Contohnya, pembeli membuat pesanan 100gm emas 999 dengan harga RM20,000. Ketika ini, pihak penjual telah menyimpan emas tersebut dan tidak menjualkannya kepada pihak lain yang telah bersedia untuk membelinya. Selepas tiga hari, apabila penjual bersedia untuk membuat akad jual beli dan seterusnya menyerahkan emas tersebut kepada pembeli, pembeli membatalkan pesannya. Pada hari tersebut harga emas telah jatuh kepada RM19,000. Dengan kata lain, penjual akan kerugian RM1,000 jika menjualnya kepada pihak lain. Di dalam hal ini, kerugian sebenar adalah sebanyak RM1000.

Apabila wang pesanan sudah diberi clearance oleh bank, maka akad jual beli perlu dilakukan. Wang di dalam trust account (jika ada) bolehlah dipindahkan ke akaun penjual dan emas hendaklah diserahkan kepada pembeli.”

Penulis sangat bersetuju bahawa pelaburan emas adalah salah satu daripada strategi pelaburan yang baik, tetapi penulis SANGAT-SANGAT TIDAK BERSETUJU dengan amalan jual beli emas hanya untuk mengambil keuntungan dalam masa yang singkat kerana ini juga termasuk dalam amalan spekulatif dan tidak mustahil harga emas juga boleh boleh mengelembung (*ballooning*) seperti krisis kenaikan harga rumah yang melambung sehingga mencecah ke tahap yang tidak masuk akal. Biarpun jual beli emas tersebut mematuhi syarat transaksi ribawiyat, amalan tersebut boleh merosakkan maqasid Syariah dalam bab kehartaan secara makro.

Isu 3: Transaksi Perbankan Islam

Industri perbankan Islam di Malaysia telah memasuki fasa dewasa sekiranya dilihat daripada usianya. Bermula daripada penubuhan Bank Islam pada 1983, institusi perbankan Islam terus berkembang dan mampu menawarkan produk dan perhidmatan kewangan Islam yang kompetitif bukan hanya kepada Muslim tetapi juga kepada non Muslim. Walaubagaimanapun masih ramai di kalangan umat Islam tetap bertransaksi dengan bank konvensional kerana mengatakan bank Islam juga tidak Islamik atau sama dengan bank konvensional. Pelbagai tohmahan dan dakwaan yang dilemparkan untuk menunjukkan bahawa perbankan Islam di Malaysia adalah tidak Islamik. Penulis menyebutkan beberapa tohmahan yang dilemparkan dan pandangan balas secara ringkas:

- i. IPI tidak Islamik disebabkan kadar keuntungan (*profit rate*) yang dikenakan kepada pelanggan lebih tinggi daripada konvensional;

- ii. IPI menggunakan kadar bunga (interest rate) seperti Base Lending Rate (BLR) ataupun KLIBOR sebagai tanda aras (benchmark) kepada kadar keuntungan;
- iii. Kredibiliti penasihat Syariah IPI dipertikaikan kerana menerima elaun daripada pihak IPI;

i. TIDAK ISLAMIK KERANA MAHAL

Bagi sesetengah pihak, perbankan Islam pada hari ini tidak Islamik kerana kadar pembiayaannya mahal. Mari sama-sama kita merenung beberapa kenyataan di bawah:

- a. Antara salah faham yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah sesuatu yang Islamik itu mesti murah. Sekiranya mahal, maka ia tidak Islamik. Kenyataan ini adalah salah dan mesti diperbetulkan. Perlu difahami bahawa aktiviti kewangan Islam merangkumi aktiviti komersil dan aktiviti berorientasikan kebajikan (non profit oriented). Aktiviti komersil seperti jual beli, sewaan, pelaburan dan perdagangan adalah aktiviti-aktiviti yang bermatlamatkan keuntungan manakala aktiviti kebajikan (tabarru'at) termasuklah amalan waqaf, zakat, sedekah dan pinjaman qardhul hasan yang tidak bermatlamatkan keuntungan. Aktiviti perbankan Islam hari menjalankan aktiviti komersil seperti mana industri-industri komersil Islam yang lain seperti Industri makanan halal, pendidikan Islam dan lain-lain.
- b. Bagi sebuah Bank Islam, sumber dana utamanya adalah melalui deposit daripada individu ataupun institusi dan dana daripada pemegang saham (shareholders' fund). Maka pihak Bank Islam mempunyai tanggungjawab untuk memastikan dana yang dilabur oleh para pemberi dana memberi pulangan yang berbaloi setidaknya setanding dengan pulangan yang diperolehi oleh pelabur dalam institusi kewangan konvensional. Oleh sebab itulah, pihak Bank Islam meletakkan kadar keuntungan tertentu dalam pembiayaannya kepada pelanggan bagi memastikan expectation para pelabur tercapai. Sekiranya pihak shareholders dan depositors di IPI tidak mendapat pulangan yang munasabah daripada pelaburan yang dibuat, berkemungkinan besar pihak ini akan menarik pelaburan mereka dan memilih portfolio pelaburan yang menjanjikan pulangan yang lebih baik. Sekiranya senario ini berlaku, maka IPI tidak akan mampu berkembang secara mapan kerana mempunyai masalah modal dalam perniagaan perbankan dan mungkin berhadapan dengan risiko gulung tikar dalam jangka masa panjang. Sekiranya IPI tidak berdaya tahan, maka kerugian yang terbesar adalah Ummah terdedah kepada kancah riba yang menggerunkan.
- c. Saya juga mendapati bahawa sesetengah pihak membandingkan kadar pembiayaan Islam yang bersifat kekal (fixed) dengan kadar interest konvensional yang berubah-ubah (fluctuate). Sebagai contoh, kadar pembiayaan adalah 8% dan tidak berubah sehingga tempoh matang pembiayaan, contohnya selama 25 tahun. Kadar interest konvensional, katakan Base Lending Rate (BLR) + 0.5% (sekarang BLR ialah 6.6%) maka kadar interest adalah 7.1%. Perlu diingat, kadar pembiayaan Islamik akan kekal pada 8% tanpa bergantung samaada kadar BLR naik ataupun turun. Dalam suasana BLR rendah tentu ramai yang beranggapan bahawa pembiayaan Islam mahal namun sekiranya BLR meningkat (contohnya ketika krisis 1997-98 dimana BLR melebihi 12%), maka pembiayaan Islam jauh lebih selamat dan munasabah.

- d. Pihak Bank Negara Malaysia telah membenarkan pihak bank Islam untuk memperkenalkan kaedah pembiayaan boleh ubah (*variable financing rate*). Melalui kaedah ini, pihak bank Islam akan melakukan kontrak jual beli dengan pihak pelanggan institusi tersebut berdasarkan harga jual yang dikira berasaskan harga pembayaran siling (*ceiling profit rate/ contracted profit rate*). Walaubagaimanapun, pihak bank Islam hanya meminta pelanggan membayar ansuran berdasarkan kadar pembiayaan efektif (*effective profit rate*) yang merujuk kepada BLR semasa. Perbezaan antara kadar pembiayaan siling dan kadar pembiayaan efektif adalah rebat yang diberikan oleh pihak bank Islam kepada pengguna. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003³⁷ telah membenarkan institusi kewangan Islam memberikan rebat (*ibra'*) dalam perjanjian pembiayaan berasaskan kadar boleh ubah (*variable rate*) iaitu *ibra'* bulanan yang merujuk kepada perbezaan antara kadar *ceiling* dan kadar efektif. Maka dengan ini rebat boleh diberikan pada setiap bayaran ansuran, bagi mengurangkan ansuran bulanan supaya sepadan dengan kadar pasaran semasa.
- e. Selain inovasi di atas, produk pembiayaan Islam adalah lebih kompetitif dengan wujudnya ciri-ciri unik termasuklah *ibra'* (rebate/discount) yang diberikan oleh IPI kepada pelanggan yang membayar dan menyelesaikan hutang mereka terhadap pihak Bank secara berdisiplin dan amanah. Begitu juga IPI tidak dibenarkan untuk mengenakan '*commitment fee*' atau '*early settlement fee/penalty*' kepada para pelanggan di mana ciri ini adalah kelaziman dalam perbankan konvensional. Di samping itu, IPI juga tidak mengambil kesempatan ke atas '*defaulters*' dengan mengenakan penalti yang berganda (*compounding interest*). Sebaliknya, IPI hanya mengenakan *ta'widh* dan sebahagian IPI di Malaysia menyalurkan jumlah *ta'widh* yang dipungut kepada institusi-institusi kebajikan dan kemasyarakatan.

Justeru, mengatakan produk perbankan Islam lebih mahal adalah tidak benar. Bahkan kita perlu bersifat adil dalam membandingkan ciri-ciri pembiayaan Islam dan pinjaman konvensional. Ciri dan keistimewaan pembiayaan Islam adalah berbeza dengan produk konvensional dan adalah sesuatu yang tidak munasabah sekiranya kita membandingkan antara epal dan kurma, sememangnya tidak sama!

ii. PENGGUNAAN TANDA ARAS HARGA KONVENSIONAL

Isu penggunaan tanda aras konvensional seperti BLR atau KLIBOR telahpun diulas oleh para ulama Syariah dalam dan luar Negara. Sebelum mengulas lebih lanjut, kita perlu memahami apakah yang dimaksudkan '*pricing benchmark*'? Secara ringkas '*pricing benchmark*' bermaksud tanda aras atau rujukan yang digunapakai dalam penentuan harga (kadar keuntungan bagi IPI). Ini bermaksud, IPI menggunakan kadar faedah (*interest rate*) sebagai tanda aras dalam menentukan kadar keuntungan (*profit rate/ Base Financing Rate*) bagi produknya yang dibangunkan berdasarkan aqad Syariah yang tertentu. Benchmarking ini bukanlah bermakna bahawa bank Islam mengenakan riba kepada pihak pengguna. Pada masa

³⁷ BNM, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, hlm 126-127

yang sama institusi perbankan Islam tertakluk kepada regulasi atau peraturan pasaran yang ditetapkan oleh pihak bank pusat.

Sekiranya dilihat dalam konteks perniagaan semasa, dalam suatu yang normal proses *benchmarking* berlaku termasuklah di antara barangan consumer yang diiktiraf halal dan tidak halal. Sebagai contoh, pengilang dan peniaga mi halal merujuk kepada harga pasaran termasuklah harga mi tidak halal sebagai salah satu faktor dalam menentukan harga mi halalnya. Begitu juga harga ayam sembelih halal di benchmark dengan harga pasaran ayam lain termasuk ayam katok. Adakah benchmarking ini menyebabkan mi halal dan ayam sembelih halal menjadi haram???

Sheikh Taqi Uthmani, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah AAOIFI, dalam bukunya *Introduction to Islamic Finance*:³⁸

“In order to explain the point, let me give an example. A and B are two brothers. A trades in liquor which is totally prohibited in Shari’ah. B, being a practicing Muslim dislikes the business of A and starts the business of soft drinks, but he wants his business to earn as much profit as A earns through trading in liquor, therefore he resolves that he will charge the same rate of profit from his customers as A charges over the sale of liquor. Thus he has tied up his rate of profit with the rate used by A in his prohibited business. One may question the propriety of his approach in determining the rate of his profit, but obviously no one can say that the profit charged by him in his halal business is haram, because he has used the rate of profit of the business of liquor as a benchmark”.

Sebagaimana yang dibahaskan oleh Sheikh Taqi Uthmani, penggunaan tanda aras konvensional tidak menjadikan produk kewangan Islam haram selagi mana produk tersebut menepati standard Syariah yang ketat dan diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Syariah IPI tersebut dan MPS BNM. Walaubagaimanapun, usaha ke arah mewujudkan tanda aras harga Islami seharusnya diusahakan bagi memurnikan amalan perbankan Islam semasa. Yang menggembirakan, seruan ini telah disambut apabila telah wujud satu inisiatif di peringkat antarabangsa untuk mewujudkan *Islamic pricing benchmark* (tanda aras penentuan harga Islam). Walaupun terlalu awal untuk menilai kejayaan inisiatif sekurang-kurangnya ia membuktikan bahawa industri kewangan Islam tidak berada dalam ‘*comfort zone*’ sebaliknya berevolusi ke arah yang lebih *aslam*.

iii. KONFLIK KEPENTINGAN PENASIHAT INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Segelintir masyarakat merasa tidak yakin terhadap kesahihan beberapa buah institusi kewangan Islam disebabkan oleh kredibiliti ahli majlis penasihat Syariah di institusi kewangan itu sendiri. Ini adalah kerana ada yang mendakwa disebabkan ahli ilmuwan Syariah itu menerima elaun dari pihak institusi itu juga, maka ini akan menjejaskan keadilan ulama tersebut dalam membuat keputusan. Sudah tentunya mereka akan bersetuju dan meluluskan semua produk institusi itu tanpa banyak soal. Dengan demikian dapat memanjangkan lagi hayat perkhidmatannya di institusi terbabit serta menikmati elaun yang memasuki poketnya setiap bulan.

³⁸ Taqi Uthmani, *Introduction to Islamic Finance*, hlm 82

Kita semua perlu bersikap adil dalam mengamati isu ini, selain perlu dimeneltinya dari perspektif hukum Islam. Walau mungkin dakwaan di atas ada berlaku, walau bagaimanapun, ia bukanlah fakta umum yang terpakai buat semua ahli Shariah di setiap institusi kewangan Islam tempatan dan antarabangsa. Justeru itu, tindakan menghebahkannya dan menjadikannya sebagai satu kenyataan umum adalah tidak menepati hukum Islam. Nabi SAW berkata:

كفى بالمرء كذبا أن يحدث بكل ما سمع

*Ertinya: "Individu menanggung dosa apabila ia menceritakan semua perkara yang didengari tanpa usul periksa."*³⁹

Maka bagaimanakah ingin dilihat isu ini dari sudut hukum Islam? Saya boleh kongsi sebagai berikut:-

1) Hukum asal bagi setiap insan adalah tidak bersalah dan tiada bertanggung di atasnya tuduhan selagi belum dibuktikan secara spesifik.

Hadis Nabi :-

لو يعطى الناس بدعواهم؛ لادعى رجال أموال قوم ودماءهم، ولكن البينة على المدعي، واليمين على من أنكر

Ertinya : Kalaulah diberikan (kebebasan) kepada manusia untuk mendakwa; nescaya akan akan individu yang mendakwa miliknya harta satu kaum yang lain dan darah mereka, oleh itu (dalam Islam), Pembuktian menjadi tanggungjawab pertama ke atas pendakwa, dan (apabila telah sabit bukti), sumpah menolak adalah bagi mereka yang mengingkari (bukti tadi). (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Kaedah fiqh menyebut :

الأصل براءة الذمة

Ertinya : Hukum asal bagi individu adalah bebasnya dia dari sebarang kesalahan dan tuduhan.⁴⁰

البينة على المدعي، واليمين على من أنكر

Ertinya : Bukti mestilah diberikan oleh yang mendakwa dan hanya selepas itu tertuduh perlu bersumpah (mempertahan diri).

³⁹ Riwayat Abu Daud, no 4992, hlm 540

⁴⁰ As-Suyuti, *Al-Ashbah Wa an-Nazair*, j.1, hlm 95

2) Jika terbukti ada seseorang yang melakukan kesalahan sebegitu, Islam tidak membenarkan dipukul rata atau menanggungkan kesalahan seorang ke atas yang lain tanpa bukti. Firman Allah :-

وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Ertinya : Dan tidaklah seorang membuat dosa melainkan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain. Kemudian kepada Tuhanmulah kamu kembali, dan akan diberitakan-Nya kepadamu apa yang kamu perselisihkan.⁴¹

Inilah yang dijelaskan oleh Imam Al-Qurtubi, Ibn Kathir dan lainnya ketika menfasirkan ayat ini.

3) Gerakan memburukkan para ilmuwan Islam dan cuba memasakkan ke dalam hati dan minda orang ramai dengan dakwaan tidak amanah dan ‘mudah dibeli’ ke atas seseorang ilmuwan Islam adalah suatu gerakan halus yang keji dan jahat.

Akhirnya, orang awam yang tiada ilmu menjadi ragu dan memandang rendah kepelruan ilmuwan Islam di dalam kehidupan seharian, lalu mereka bakal hilang arah, mudah diperangkap oleh gerakan Islam liberal, ajaran sesat dan atheis. Atau paling kurang, masing-masing mula sewenang-wenangnya merasakan diri layak untuk mengeluarkan fatwa sendiri tanpa ilmu alat yang mencukupi, lalu sesat dan menyesatkan.

4) Majlis penasihat Shariah berfungsi dalam kumpulan, justeru tidak mudah untuk mencari sekumpulan ilmuwan yang mendalami ilmu Islam dan hukum hakam, tetapi tiba-tiba kesemuanya boleh bersepakat mementingkan wang dan melupakan sepenuhnya persoalan harta haram dan hukuman berat di akhirat.

5) Tiada salahnya bagi sesebuah institusi memberikan elaun kepada ahli majlis Shariah, sebagaimana rakyat memberikan pemimpin elaun untuk memimpin, Khalifah Abu Bakr juga mendapat elaun atas tugasnya sebagai khalifah, begitu juga gabenor-gabenor dilantik di zaman Khulafa ar-Rasyidin. Lantaran itu, amat tidak wajar secara automatik menjadikan semua ilmuwan Shariah yang menerima sebagai tidak amanah.

Selain itu, perihal elaun atas tugas semakan ketelusan ini biasa ini juga berlaku di semua syarikat korporat apabila setiap laporan tahunan dan operasi syarikat perlu disemak dan diaudit oleh sekumpulan juru audit luar (auditors) seperti syarikat Price Waterhouse Coopers, Ernst and Young dan sebagainya.

Semua pengaudit luaran atau *external auditor* ini juga menuntut kos profesional daripada syarikat yang disemaknya. Adakah secara pukul rata boleh kita katakan semua mereka pasti

⁴¹ Surah Al-An'am : ayat 164

meluluskan apa sahaja di dalam syarikat walau penyelewengan kerana mereka meneirma bayaran dari pihak syarikat?.

Ini suatu tuduhan yang tidak berjejak di bumi nyata dan menafikan ketelusan semua pihak. Kelak nanti akan wujud pula dakwaan bahawa para pensyarah universiti sengaja memberi lulus kepada muridnya kerana menerima gaji dari universiti dan unversiti pula perlu ‘menjaga hati’ pelajar bagi memastikan mereka terus membayar yuran pelajar.

6) Pihak penasihat Shariah tidak sebebaskan boleh meluluskan sesuatu oeprasi dan produk di institusi kewangan Islam kerana kebanyakan keputusan mereka akan didiskusikan di konferen terbuka yang dihadiri oleh ilmuwan lain yang pastinya tidak makan elaun dari syarikat terbabit, malah pemantauan juga dilakukan oleh Jabatan Perbankan Islam dan Takful serta Majlis Penasihat Shariah kebangsaan. Kesemua mereka tidak menerima elaun dari syarikat terbabit, justeru tiada sebab mereka akan berdiam diri jika sekiranya ditemui kesilapan dan kelemahan fatwa dikeluarkan oleh penasihat Shariah Institusi Kewangan Islam.

Dalam masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pihak pengurusan menghulur rasuah kepada syarikat audit bagi menutup sebelah mata atas segala kesilapan yang berlaku dalam akuan syarikatnya. Hal seperti ini tidaklah harus kita menuduh kepada ilmuan Syariah secara umum.

Kesimpulan Berkaitan Isu-isu Perbankan Islam

Operasi dan perkhidmatan institusi kewangan Islam masih belum sempurna. Bahkan institusi ini wujud dalam kerangka sistem ekonomi yang masih berasaskan riba. Ia juga tertakluk kepada peraturan dan amalan industry yang ditetapkan oleh pihak bank pusat. Pada masa yang sama, beberapa expectations yang diletakkan kepada pihak institusi perbankan Islam adalah tidak munasabah apatah lagi sekiranya mengharapkan institusi perbankan Islam menjadi badan kebajikan (charitable body).

Justeru pandangan yang paling sederhana adalah menyokong sepenuhnya kewujudan institusi perbankan Islam dan mengelakkan daripada terjebak dengan transaksi yang berasaskan riba. Sekurang-kurangnya kita terselamat daripada dosa yang sangat dibenci oleh Allah iaitu riba.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ
مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِن تُبْتِغُوا فَلََكُمْ رُؤُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظَلَّمُونَ

Ertinya: *“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah saki baki Riba sekiranya kamu benar-benar beriman, sekiranya kamu tidak meninggalkannya, istisharkanlah perang dengan Allah dan RasulNya”*⁴²

Dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang enggan dan masih berdegil untuk meninggalkan saki baki riba dalam kehidupannya dengan sengaja, maka golongan ini menempah perang dengan Allah SWT dan RasulNya.

Ibn Abbas r.a diriwayatkan berkata:

*“Akan dikatakan kepada pemakan riba di hari kiamat: ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah SWT”*⁴³

Imam Malik Bin Anas rh pula berkata:

*“Telah ku membuka lembaran-lembaran Kitab Allah dan Sunnah Nabi SAW dan tidak ku dapati (dosa) yang lebih buruk dari Riba, kerana Allah SWT dalam mengistiharkan atau mengizinkan perang ke atasnya”*⁴⁴

Pada masa yang sama, umat Islam juga harus terus memainkan peranan memberikan pandangan yang bermakna kepada pihak institusi kewangan Islam dan pihak kerajaan untuk menambah baik pelaksanaan dan operasi perbankan Islam di negara kita. Sebagai seorang pengamal dalam industry perbankan Islam, saya sangat mengalu-alukan sebarang pandangan yang konstruktif serta bernas daripada umat Islam hatta dari golongan bukan Islam untuk memajukan industry ini dan pada masa yang sama untuk lebih menzahirkan ciri-ciri *Islamicity* nya.

Penutup

Kertas ini sememangnya tidak berupaya mengupas persoalan secara mendalam. Walaubagaimanapun, pendekatan yang dipersembahkan dalam mengupas persoalan-persoalan di atas adalah mengambil kira pandangan-pandangan yang berasaskan kepada dalil-dalil naqliyyah yang jelas dan pada masa yang sama memahami illah di sebalik hukum yang dijelaskan oleh nas tersebut serta memahami realiti pasaran ekonomi semasa. Inilah intipati pemikiran wasatiyyah yang cuba di hadapankan dalam konteks penyelesaian isu-isu muamalat semasa.

⁴² Surah Al-Baqarah: ayat 278

⁴³ At-Tabari, *Jami al-Bayan ‘An Takwil Ayyi Al-Quran*, 3/68 ; As-Suyuti, *Ad-Durru Al-Manthur*, 3/366

⁴⁴ Al-Qurtubi, *Al-Jami’ Li Ahkam Al-Quran*, 3/364

Wallahu a'lam

Al Faqir ilallah,

Muhammad Ramadhan Fitri Ellias